



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	18 FEBRUARY 2017

DAP persenda impian Dr. Mahathir

Um - 18/2/2017

Oleh MAISARAH
SHEIKH RAHIM

pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 17 Feb. - DAP mempersendakan impian Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk mewujudkan logo bersama 'Pakatan Harapan' yang diketuai parti itu dengan menyifatkan ia hanya bermatlamat jangka pendek.

Ahli Jawatankuasa DAP, Gobind Singh Deo berkata, perkara itu tidak penting ketika ini dan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu dinasihatkan untuk mengutamakan rangka kerja bersama sebelum memikirkan soal tersebut.

Ahli Parlimen Puchong itu menjelaskan, langkah berkenaan lebih penting bagi memastikan gabungan parti pembangkang mempunyai hala tuju jelas untuk mencapai kemenangan dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) akan datang.

"Rakyat perlu diyakinkan bahawa pakatan pem-

bangkang bukan hanya untuk mencapai matlamat jangka pendek tetapi dilihat terus kekal dan mampu menawarkan sesuatu yang lebih baik. Kita harus jelas dalam apa yang kita mahu dan apa hala tuju yang akan diambil sebelum PRU-14 bermula.

"Tanpa itu, cadangan mewujudkan satu logo malah pakatan pembangkang itu sendiri akan kehilangan tarikan kerana rakyat meragui kemampuan kita dalam jangka masa panjang," katanya seperti dipetik menerusi *roketkini.com* hari ini.

Baru-baru ini bekas Perdana Menteri itu menyarankan agar setiap parti dalam pakatan pembangkang tidak terlanjur memikirkan mengenai kepentingan parti masing-masing sahaja.

Justeru kata beliau, pakatan pembangkang perlu menggunakan satu logo dalam PRU-14 bagi menunjukkan kesepakatan antara mereka.



GOBIND SINGH DEO



BEBERAPA ahli Pas berkumpul di depan Masjid Jamek Lebuah Acheh Pulau Pinang bagi menyatakan sokongan kepada Presiden Pas, Abdul Hadi Awang yang menolak kerjasama dengan DAP dan sekutunya, semalam. - UTUSAN/SAZALI CHE DIN